



KETUA PENGARAH
DIRECTOR GENERAL

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD

Rujukan : (6) dlm LPKM 1/155/1/1
Tarikh : 31 Mei 2017

Semua Pengeksport Perabot & Produk Perabot,
Semua Persatuan Kayu-Kayan,
Semua Agen Penghantar

PENANGGUHAN PELESENAN PERABOT KAYU UNTUK TUJUAN EKSPORT

Saya merujuk perkara di atas dan dengan ini memaklumkan bahawa surat ini dikeluarkan untuk menggantikan sebahagian kandungan dalam Pekeliling Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) Bil 2 Tahun 2017 bertarikh 3 April 2017.

2. Sebagaimana yang diarahkan oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), keperluan **pendaftaran dan lesen eksport MTIB untuk perabot adalah ditangguhkan sehingga satu tarikh yang akan ditentukan kelak**. MTIB akan menguatkuasakan arahan ini serta merta.

3. Produk perabot yang dimaksudkan adalah merujuk kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2017, Jadual Kedua Butiran 6 seperti berikut :

Description of Goods	Chapter/Heading/Subheading
(24) Seats of bamboo or rattan and other seats with wooden frames	9401.52.00 00
	9401.53.00 00
	9401.61.00 00
	9401.69.10 00
	9401.69.90 00
(25) Wooden furniture	9403.30.00 00
	9403.40.00 00
	9403.50.00 00
	9403.60.10 00
	9403.60.90 00

4. Sehubungan ini, semua pengeksport perabot perlu membuat deklarasi dan berurusan terus dengan pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di pintu-pintu keluar negara bagi mendapatkan pengesahan dan pelepasan eksport perabot.

5. Bagi pengeksport perabot untuk ke pasaran Kesatuan Eropah (EU), masih perlu berdaftar dan memperolehi lesen eksport MTIB untuk mendapatkan lesen MYTLAS bagi mengeksport perabot.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



DATU Dr. JALALUDDIN HARUN FASc
Ketua Pengarah MTIB

Salinan kepada :

- i. **Ketua Setiausaha**
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
Presint 2, Persiaran Perdana
62550 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
PUTRAJAYA
(u.p : **Encik Mad Zaidi Mohd Karli, Setiausaha Bahagian Kanan
Industri Kayu-Kayan, Tembakau & Kenaf**)

- ii. **Ketua Pengarah**
Jabatan Kastam DiRaja Malaysia
Ibu Pejabat Kastam DiRaja Malaysia
Aras 10 Utara, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2

92596 Putrajaya

- iii. Semua Persatuan Perabot dan Kayu-Kayan
- iv. Pengarah MTIB
- v. Ketua MTIB Wilayah/Negeri